

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**  
**Okt./Nov.**

**2  $\frac{1}{4}$  jam**

**1103/1**

**Dua jam lima belas minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.  
[Lihat halaman sebelah

**1103/1** © 2019 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

**SULIT**

**Bahagian A**

[30 markah]


[Masa dicadangkan : 45 minit]

Maklumat di bawah menunjukkan sebahagian daripada kebaikan pusat sumber sekolah.

Huraikan pendapat anda tentang kebaikan-kebaikan pusat sumber sekolah.

Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.


**KEBAIKAN-KEBAIKAN PUSAT SUMBER SEKOLAH**



Pelbagai bahan rujukan untuk menambah ilmu pengetahuan



Kemudahan Internet untuk mengakses maklumat



Tempat mengulang kaji pelajaran

**Bahagian B**

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Ibu bapa memainkan peranan penting bagi memupuk amalan membaca dalam kalangan anak-anak.  
Ulas pernyataan di atas.
- 2 Sikap segelintir masyarakat yang sering membuang sampah di merata-rata tempat dikatakan masih berlaku di negara kita.  
Bincangkan langkah-langkah untuk menangani masalah ini.
- 3 Kelab Bimbingan dan Kerjaya sekolah anda telah menganjurkan lawatan ke Ekspo Pendidikan 2019 yang diadakan di sebuah universiti tempatan. Sebagai setiausaha kelab, anda diminta untuk menulis laporan berkaitan lawatan tersebut.  
Tulis laporan itu selengkapnya.
- 4 Produk-produk makanan keluaran Malaysia seperti makanan ringan, makanan dalam tin dan makanan sejuk beku berpotensi untuk dipasarkan ke peringkat antarabangsa.  
Jelaskan usaha-usaha untuk memasarkan produk ini secara meluas ke peringkat antarabangsa.
- 5 Pada masa sekarang, peribahasa 'jauh perjalanan, luas pemandangan, banyak pengalaman' sering dikaitkan dengan aktiviti pelancongan yang mendatangkan banyak faedah kepada seseorang.  
Huraikan faedah-faedah tersebut.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019**  
**BAHASA MELAYU**

**1103/2**

**Kertas 2**  
**Okt./Nov.**

**2½ jam**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak cukup, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

1103/2 © 2019 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

**SULIT**



**Soalan 1: Rumusan**

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang peranan-peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan cara-cara menarik minat ibu bapa bergiat aktif dalam PIBG. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) ialah entiti utama sesebuah sekolah dan asas penubuhannya termaktub dalam Akta Pendidikan 1961. Objektif penubuhan PIBG perlulah mendukung visi yang selari dengan dasar-dasar negara seperti Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Sehubungan dengan itu, PIBG berfungsi sebagai wahana yang membolehkan ahli berkongsi maklumat melalui pelbagai medium. Namun demikian, (penglibatan ibu bapa dalam menjayakan aktiviti PIBG masih rendah.)

Perlembagaan PIBG menetapkan bahawa keahliannya hendaklah terdiri daripada guru sekolah tersebut dan ibu bapa yang anak mereka menuntut di sekolah itu. Pihak PIBG perlu mengadakan program-program yang dapat menemukan ibu bapa dengan guru-guru yang mengajar anak mereka untuk menjalinkan ukhuwah antara kedua-dua pihak. Seterusnya, PIBG juga dapat merapatkan hubungan sesama ibu bapa demi kebajikan anak-anak mereka. Mereka dapat berjumpa dan bertanya khabar semasa perjumpaan Mesyuarat Agung PIBG dan program gotong-royong yang diadakan pada setiap tahun. Di samping itu, PIBG juga boleh menjadi perantara pihak tertentu dengan pihak sekolah. Misalnya, PIBG dijadikan platform oleh pihak luar untuk melaksanakan sebarang aktiviti yang memberikan faedah kepada sekolah. Selain itu, pihak PIBG juga boleh membantu untuk menyelesaikan masalah ibu bapa yang tidak berpuas hati dengan tindakan segelintir guru.

Selari dengan perlembagaannya, PIBG boleh bertindak untuk melengkapkan prasarana fizikal sekolah seperti penyediaan akses jalur lebar, perpustakaan yang lengkap dan kemudahan sukan yang berkualiti. Bagi meningkatkan pencapaian akademik pula, PIBG boleh menubuhkan tabung pendidikan untuk menambahkan sumber kewangan yang dapat memberikan manfaat kepada warga sekolah. Dalam hal ini, PIBG perlu merancang dan melaksanakan pelbagai program seperti aktiviti amal dan mendapatkan sumbangan daripada pihak tertentu. Malah, pihak PIBG juga dapat membantu dalam menjayakan sesuatu program yang dirancang oleh pihak sekolah dengan melibatkan diri secara langsung dalam semua program. PIBG juga boleh bertindak sebagai penganjur aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dengan mengadakan hari kerjaya, forum perdana dan pemeriksaan kesihatan. Namun demikian, terdapat sesetengah ahli PIBG, khususnya (ibu bapa tidak memberikan kerjasama terhadap aktiviti-aktiviti tersebut)

Sesungguhnya, PIBG dapat membantu pihak sekolah untuk meningkatkan kecemerlangan akademik, sahsiah dan kokurikulum dengan mengambil langkah yang konkrit, sistematik dan pragmatik. Hal ini demikian kerana kejayaan dalam membangunkan modal insan bukan hanya terletak pada bahu pihak sekolah mahupun pihak kerajaan tetapi turut didukung oleh ibu bapa. Oleh itu, usahlah kita *memandang enteng* akan kewibawaan PIBG.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Keakraban Pemangkin Kerjasama Ibu Bapa-Sekolah'  
oleh Dr. Suresh Kumar N Vellymalay  
Pendidik, Mei 2017

**Soalan 2 : Pemahaman**  
[35 markah]

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *memandang enteng*. [2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa masalah yang dihadapi oleh PIBG. Nyatakan masalah-masalah tersebut. [3 markah]
- (iii) Kehadiran ibu bapa ke Mesyuarat Agung PIBG amat penting kerana di situlah wadah terbaik untuk berbincang tentang kecemerlangan anak-anak. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah untuk meningkatkan kehadiran ibu bapa dalam Mesyuarat Agung PIBG? [4 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT



**Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Jika semuanya dicampurkan, jumlah yang akan dibelanjakan sekitar USD300. Masih ada baki sebanyak USD100. Sengaja aku ketepikan untuk perkara-perkara yang tidak dijangkakan. Contohnya, barangkali ada persembahan kebudayaan yang perlu kubayar sendiri dan tidak termasuk dalam harga pakej lawatan. Rugi berjalan ke tempat orang kalau tidak sempat melihat kebudayaan dan kesenian mereka. Selain itu, aku mungkin ditimpa musibah dan perlu mendapatkan rawatan segera dengan menggunakan wang sendiri. Namun, aku berdoa agar ubat-ubat homeopati seperti Arnica 30c, Arsenic 30c, Arconite 30c, Rhus Tox 30c, dan Nux Vomica 30c yang terdapat di dalam beg dapat membantuku bertahan daripada sebarang alahan seperti cuaca sejuk, perbezaan makanan, serta aktiviti lasak. Aku juga sedar akan keadaan rambang mataku yang satu ini pantang berjumpa bahan bacaan. Biasanya, aku akan menghabiskan seluruh duitku untuk membeli buku dan majalah di mana-mana lapangan terbang di luar negara sebelum pulang ke tanah air.

Sesungguhnya, jaket kulit kijang dari Istanbul langsung tidak termasuk dalam senarai perancangan belanjawanku.

Kisah aku akhirnya ‘terbeli’ jaket kulit kijang dari Istanbul ini bermula pada hari kelima lawatanku ke Turki. Aku sengaja menggunakan perkataan ‘terbeli’ kerana aku benar-benar tidak ada niat untuk membelinya.

Dipetik daripada cerpen ‘Jaket Kulit Kijang dari Istanbul’  
oleh Maskiah Haji Masrom  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan petikan cerpen tersebut, penulis sengaja menyetepikan baki wang sebanyak USD100 untuk perkara-perkara yang tidak dijangkakan.  
Nyatakan perkara-perkara tersebut. [2 markah]
- (ii) Penulis menyatakan bahawa rugi berjalan ke tempat orang kalau tidak sempat melihat kebudayaan dan kesenian mereka.  
Pada pandangan anda, apakah faedah-faedah mengetahui kebudayaan dan kesenian masyarakat lain? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** nilai yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** nilai lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]



**Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional**

*Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Hatta, maka orang Siam pun datanglah, lalu perang dengan orang Melaka. Ada beberapa lamanya berperang, maka banyaklah rakyat Siam yang mati, Melaka tiada alah. Maka rakyat Siam pun kembalilah, seraya ia pulang segala rotan ikat barang-barangnya semuanya dicampakkannya di hulu Muar. Maka rotan itu pun tumbuh; itulah dinamai orang Rotan Siam, manakala pasungan kayu ara itu pun tumbuh juga, datang sekarang di hulu Muar jua, dan tumang Siam tempat bertanak itu pun tumbuh juga, datang sekarang. Telah rakyat Siam sudah pulang, maka segala orang teluk rantau pun kembalilah masing-masing ke tempatnya. Maka Tun Perak tiada diberi baginda pulang lagi ke Kelang; diam di Melaka, dijadikan baginda bentara.

Maka ada seorang orang Kelang mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak sedikit. Maka ia berdatang sembah ke bawah duli baginda. Maka baginda *memberi titah* kepada bentara Seri Amerta, menyuruh berkata kepada Tun Perak. Maka Tun Perak pun datang menghadap. Maka Seri Amerta pun berkata kepada Tun Perak, “Orang ini, ya Tuan Tun Perak, mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan, mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak. Mengapakah maka demikian pekerti tuan hamba?”

Dipetik daripada ‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’  
dalam antologi *Sejadah Rindu*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud rangkai kata *memberi titah*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan, apakah yang berlaku kepada Tun Perak setelah tentera Siam kembali? [3 markah]
- (iii) Duli Yang Dipertuan menitahkan Tun Perak menghadap kerana seorang orang Kelang telah mengadu bahawa dia dianiayai oleh Tun Perak.  
Sekiranya anda Tun Perak, apakah tindakan-tindakan yang perlu anda lakukan? [3 markah]





**Soalan 2(d) – Sajak**

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**www.sibermerdeka.com.my**

Dalam kebun diriku  
aku tanam saujana rancangan  
untuk memerdekakan warga susahku  
hidup menentang senja dan malam.

Dalam parlimen diriku  
aku bahas isu onak dan enak  
untukmu merdekakan warga fikirku  
mengelak hidup dikotak-katikkan.

Dalam laut diriku  
ombak gelora menampar pantai aman  
untuk menguji amal dan iman.

Dalam gergasi diriku  
terpedaya jua oleh permainan si kancil  
namun sempat sedar dan beringat lagi.

Dalam pentas diriku  
aku berlatih menangkis angin  
aku berlatih memunggah awan  
menghayati skrip demi skrip  
yang tak diduga klimaksnya.

Dalam dewan diriku  
aku tak cemas lagi  
oleh kata yang mengekang  
aku tak lemas lagi  
oleh kata yang menyerang.

Apabila sibermerdeka sampai  
ke rumah cabaranku  
aku panggil diriku bermesyuarah  
menyokong, berkecuali atau menentang  
aku ambil keputusan  
waktu itu aku kenal batas diri  
untuk tidak mengulangi kekalahan.

Kini, kapal diriku telah berlabuh di pangkalan usia  
aku turun darinya menghadapi hidup nyata  
peristiwa datang peristiwa pergi  
bagai siang memanggil malam  
dan sibermerdeka terus berkaca  
terus mengalirkan arus ingatan  
elakkan dirimu menjadi sia-sia  
hamparkan dirimu di persada Tuhan.

**Abdul Ghaffar Ibrahim**

*Takkan Hilang*, 2008

Dewan Bahasa dan Pustaka

dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,

Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan rangkap **akhir**, nyatakan **dua** pesanan penyajak. [2 markah]
- (ii) Pada rangkap **pertama**, penyajak menggambarkan bahawa dia perlu membuat perancangan untuk mengubah kehidupannya.  
Sebagai seorang murid berwawasan, apakah perancangan-perancangan yang perlu anda lakukan untuk cemerlang dalam pelajaran? [3 markah]
- (iii) Huraikan tema sajak tersebut. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

(a) **Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.**

- (i) antikarat
- (ii) dwitahunan
- (iii) jurusolek
- (iv) mahasiswa
- (v) prasekolah
- (vi) tatasusila

[6 markah]

(b) **Gabungkan ayat-ayat dalam petikan di bawah supaya menjadi tiga ayat sahaja tanpa mengubah maksud dan struktur asalnya.**

Pembelajaran abad ke-21 (PAK21) baru diperkenalkan. PAK21 merupakan satu daripada elemen penting dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. PAK21 menekankan pembelajaran berpusatkan murid. PAK21 berunsurkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia bertanggungjawab dalam memberikan pendedahan tentang PAK21 kepada warga pendidik. Warga pendidik lebih bersedia untuk mengaplikasikan konsep ini di dalam bilik darjah.

[6 markah]

(c) **Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.**

- (i) Beberapa orang arkitek termashur telah terlibat dalam mereka bentuk Istana Negara yang menjadi lambang memegahkan negara.
- (ii) Untuk mengatasi masalah banjir yang merosakkan infra struktur pihak berkuasa tempatan telah dalamkan longkang dan membina tebatan.
- (iii) Kementerian Kesihatan Malaysia disyorkan kepada semua pengusaha kefeteria supaya sentiasa menitikberatkan tahap kebersihan premis masing-masing.

[6 markah]



(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Busana tradisional yang ditontonkan di galeri tersebut mendapat sambutan dari setiap lapisan masyarakat.
- (ii) Bandar Diraja itu dihiasi lampu neon bersempena dengan istiadat pelantikan Raja Muda yang akan diadakan di bulan hadapan.
- (iii) Lambakan pendatang asing tanpa izin semakin membimbangkan rakyat kerana mereka membawa berbagai pengaruh negatif yang boleh melunturkan keharmonian masyarakat.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan ayat-ayat tersebut.*

- (i) Penduduk yang tinggal di kawasan berisiko banjir perlu membuat persediaan awal bagi menghadapi musim tengkujuh.
- (ii) Rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara dengan berpendapatan lumayan masih berhasrat untuk bekerja di negara sendiri.
- (iii) Penceramah itu mengingatkan kami supaya jangan sesekali melupakan jasa ibu bapa setelah mendapat kejayaan dan kesenangan hidup.

[6 markah]

924

0011



[Lihat halaman sebelah  
SULIT

## Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
  - (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
  - (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin
  - (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
  - (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
  - (vi) Tirani karya Beb Sabariah
  - (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
  - (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** latar tempat yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, nyatakan **satu** peristiwa bagi setiap novel yang dapat menimbulkan kesedaran kepada pembaca. Huraikan sebab anda berpendapat sedemikian. [8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**